

222 - `Abdan meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah bin Al-Mubarak meriwayatkan kepada kami, katanya: `Amar bin Maimun Al-Jazari meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman bin Yasar daripada `Aaisyah, katanya: “Aku sering menghilangkan kesan junub daripada kain Nabi s.a.w dengan membasuhnya. Selepas itu beliau s.a.w keluar untuk bersembahyang dalam keadaan tompokan-tompokan air kelihatan pada kainnya.”

٢٢٣ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ يَعْنَى ابْنُ مَيْمُونٍ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ قَالَ سَمِعْتُ عَائِشَةَ ح وَحَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ مَيْمُونٍ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ قَالَ سَأَلْتُ عَائِشَةَ عَنِ الْمَنِيِّ يُصِيبُ التَّوْبَ فَقَالَتْ كُنْتُ أَغْسِلُهُ مِنْ تَوْبِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيُخْرِجُ إِلَى الصَّلَاةِ وَأَثَرُ الْغُسْلِ فِي تَوْبِهِ يُقَعُّ الْمَاءُ

223 - Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid meriwayatkan kepada kami, katanya: `Amar, iaitu Ibnu Maimun meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman bin Yasar, katanya: saya mendengar `Aaisyah. ح Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Wahid meriwayatkan kepada kami, katanya: `Amar bin Maimun meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman bin Yasar, katanya: “Saya bertanya kepada `Aaisyah tentang mani yang terkena kain.” `Aaisyah menjawab: “Aku selalu menghilangkannya dari kain Rasulullah s.a.w dengan membasuhnya. Kemudian beliau keluar bersembahyang dalam keadaan kesan basuhan itu ada pada kainnya, iaitu (dalam bentuk) tompokan-tompokan air.”¹¹⁶

٦٥ - باب إذا غسل الجنابة أو غيرها فلم يذهب أثره

65 – Bab: Jika Seseorang Membasuh Air Mani Atau Selainnya Tetapi Kesannya Tidak Hilang.¹¹⁷

٢٢٤ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْمِنْقَرِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ مَيْمُونٍ قَالَ سَأَلْتُ سُلَيْمَانَ بْنَ يَسَارٍ فِي التَّوْبِ نُصِيبُهُ الْجَنَابَةَ قَالَ قَالَتْ عَائِشَةُ كُنْتُ أَغْسِلُهُ مِنْ تَوْبِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ يَخْرِجُ إِلَى الصَّلَاةِ وَأَثَرُ الْغُسْلِ فِيهِ يُقَعُّ الْمَاءُ

¹¹⁶ Antara dalil Bukhari tentang kenajisan air mani manusia ialah dua hadits yang dikemukakan di bawah tajuk ini. Kalaulah air mani itu tidak najis kenapa pula `Aaishah bertindak membasuhnya.

¹¹⁷ Maksud Imam Bukhari dengan mengemukakan bab ini ialah untuk menyatakan kain dan sebagainya yang terkena najis seperti air mani, darah haidh dan lain-lain harus digunakan untuk bersembahyang setelah tempat yang terkena najis itu dibasuh, meskipun kesan basuhan itu masih kelihatan dengan jelas.

224 - Musa bin Isma'il Al-Minqari meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Wahid meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Maimun meriwayatkan kepada kami, katanya: "Saya bertanya kepada Sulaiman bin Yasar tentang kain yang terkena kesan junub (air mani)." Beliau menjawab, 'Aaisyah berkata: "Aku selalu menghilangkannya dari kain Rasulullah s.a.w dengan memabasuhnya. Kemudian Baginda s.a.w keluar bersembahyang dalam keadaan kelihatan bekas basuhan itu, iaitu (dalam bentuk) tompokan-tompokan air."

٢٢٥ - حَدَّثَنَا عُمَرُو بْنُ خَالِدٍ قَالَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ قَالَ حَدَّثَنَا عُمَرُو بْنُ مَيْمُونٍ بْنِ مِهْرَانَ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا كَانَتْ تَغْسِلُ الْمَنِيَّ مِنْ تَوْبِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ أَرَاهُ فِيهِ بُعَّةٌ أَوْ بُعَاً

225 - 'Amar bin Khalid meriwayatkan kepada kami, katanya: Zuhair meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Maimun bin Mihran meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman bin Yasar daripada 'Aaisyah: "Bahawa beliau sering membasuh air mani pada kain Nabi s.a.w, kemudian saya nampak ada padanya satu tompokan atau beberapa tompokan."¹¹⁸

٦٦ - بَابُ أَبْوَالِ الْإِبِلِ وَالْذَوَابِّ وَالْفَنَمِ وَمَرَاضِيهَا وَصَلَّى أَبُو مُوسَى فِي دَارِ الْبَرِيدِ وَالسَّرَقِينَ وَالْبَرَّةَ إِلَى جَنَّتِهِ فَقَالَ هَا هُنَا وَتَمَّ سَوَاءٌ

Bab: Air Kencing Unta Dan Binatang-Binatang Lain, Air Kencing Kambing Dan Kandang Kambing.¹¹⁹ Abu Musa Bersembahyang Di Dar Al-Barid (Satu

¹¹⁸ Kedua-dua hadits bab ini selain menunjukkan maksud Bukhari tadi, menunjukkan juga bentuk khidmat dan pertolongan yang boleh diberikan oleh seseorang isteri kepada suaminya iaitu seperti membasuh pakaiannya, memasak untuknya dan lain-lain.

¹¹⁹ Sebahagian daripada perbincangan tentang air kencing binatang telah pun dibincangkan pada nota 101 yang lalu. Melalui bab ini Imam Bukhari sekali lagi malah dengan lebih jelas lagi mahu menyatakan pandangannya tentang air kencing dan tahi binatang. Seperti telah dikemukakan sebelum ini bahawa Ibnu Batthaal berkata: "Bukhari berpendapat air kencing dan tahi binatang sama ada yang halal dimakan ataupun tidak, tidak najis." Alasannya ialah Bukhari di dalam bab ini telah menyebutkan air kencing unta dan binatang-binatang lain. Perkataan binatang-binatang lain itu bermaksud yang halal dimakan seperti kambing atau yang tidak halal seperti keledai dan sebagainya. Ini kerana Dar Al-Barid bukan hanya mengumpulkan unta sahaja, malah di sana juga terdapat binatang-binatang lain yang dijadikan sebagai kenderaan seperti keledai. Selain itu Abu Musa Al-Asy'ari yang terkenal sangat keras dan cermat dalam masalah air kencing manusia itu juga bermudah-mudah dalam menghadapi air kencing binatang, apabila beliau bersembahyang di Dar Al-Barid yang terdapat padanya air kencing dan tahi bermacam-macam binatang. Tentu sekalilah pada pandangan beliau air kencing binatang tidak najis seperti air kencing manusia.

Perhentian Di Kufah)¹²⁰ Dan Di Tempat-Tempat Yang Ada Tahi Binatang, Sedangkan Tanah Lapang (Yang Tidak Terkena Air Kencing Dan Tahi Binatang) Ada Di Sebelahnya. Beliau Berkata “ Di sini Dan Di Sana Sama Saja.”¹²¹

٢٢٦ - حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَدِمَ أَنَسٌ مِنْ عُكْلٍ أَوْ عُرَيْنَةَ فَاجْتَوَوْا الْمَدِينَةَ فَأَمَرَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَلْقَاحِ وَأَنْ يَشْرَبُوا مِنْ أَبْوَالِهَا وَأَلْبَانِهَا فَاتَّطَلَّقُوا فَلَمَّا صَحُّوا قَتَلُوا رَاعِيَّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاسْتَأْفَوْا النَّعَمَ فَجَاءَ الْحَبَرُ فِي أَوَّلِ النَّهَارِ فَبَعَثَ فِي آثَارِهِمْ فَلَمَّا ارْتَفَعَ النَّهَارُ جِئَ بِهِمْ فَأَمَرَ فَقَطَعَ أَيْدِيَهُمْ وَأَرْجُلَهُمْ وَسَمَرَتْ أَعْيُنُهُمْ وَأُلْقُوا فِي الْحَرَّةِ يَسْتَسْقُونَ فَلَا يُسْقَوْنَ قَالَ أَبُو قِلَابَةَ فَهَؤُلَاءِ سَرَقُوا وَقَتَلُوا وَكَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ وَحَارَبُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ

226 - Sulaiman bin Harb meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaad bin Zaid meriwayatkan kepada kami daripada Ayyub daripada Abi Qilabah daripada Anas bin Malik, katanya: “Ada beberapa orang dari (qabilah) `Ukl atau `Urainah datang (ke Madinah). Ternyata cuaca Madinah tidak sesuai dengan mereka. Maka Nabi s.a.w memerintahkan supaya mereka pergi ke tempat unta-unta susu di samping menyuruh mereka minum air kencing dan susu unta-unta itu. Mereka pun pergi. Apabila sembuh, mereka membunuh penggembala Nabi s.a.w dan melarikan unta-unta. Cerita itu sampai kepada Rasulullah s.a.w di awal pagi. Baginda s.a.w terus menghantar orang menjejaki mereka. Lewat pagi mereka berjaya ditangkap. Maka Nabi s.a.w memerintahkan supaya dipotong tangan-tangan dan kaki-kaki mereka selain mata-mata mereka diselari besi panas. Seterusnya mereka dicampakkan di Harrah (kawasan berbatu hitam). Mereka meminta air untuk minum, tetapi tidak diberikan.”¹²²

¹²⁰ Dar Al-Barid adalah nama satu perhentian di Kufah di mana utusan khalifah berhenti sebelum menemui gabenor Kufah. Abu Musa Al-Asy'ari pernah menjadi gabenor wilayah Kufah di zaman pemerintahan saiyyidina `Umar dan Saiyyidina `Utsman.

¹²¹ Atsar Abu Musa Al-Asy'ari ini telah dikemukakan dengan sanad yang lengkap oleh Abu Nu'a'im dan Ibnu Abi Syaibah.

¹²² Banyak sekali pengajaran dan panduan yang telah disimpulkan oleh para `ulama' daripada hadits ini. Antaranya ialah (1) Sucinya air kencing unta dan binatang-binatang lain yang halal dimakan. Kalau ia najis tentu sekali Nabi s.a.w tidak akan menyuruh mereka meminumnya seperti beliau menyuruh mereka meminum susunya (2) Anjuran Nabi s.a.w agar berubat dengan menggunakan susu dan air kencing unta untuk penyakit busung (3) Anjuran supaya dirawat pesakit dengan apa-apa yang sesuai dengannya (4) Pembunuh berkumpulan akan dihukum qisas (dibunuh balas) kerana membunuh seseorang sama ada secara curi atau dengan mencero boh (5) Mumatsalah dalam pelaksanaan hukum qisas. Ertinya seseorang pembunuh akan dibalas bunuh dengan cara pembunuhan yang dilakukannya. Qisas dengan cara ini

Abu Qilabah berkata: “Ini kerana mereka mencuri, membunuh dan kufur selepas beriman. Mereka juga telah memerangi Allah dan RasulNya.”¹²³

٢٢٧ - حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنَا أَبُو النَّجَّاحِ يَزِيدُ بْنُ حُبَيْدٍ عَنْ أَنَسٍ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي قَبْلَ أَنْ يَبْنِيَ الْمَسْجِدَ فِي مَرَاضِ الْغَنَمِ

227 - Adam meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Al-Tayyah Yazid bin Humaid meriwayatkan kepada kami daripada Anas, katanya: “Nabi s.a.w bersembahyang sebelum dibina masjidnya, di kandang kambing.”

٦٧ - بَابُ مَا نَقَعَ مِنَ النَّجَاسَاتِ فِي السَّنَنِ وَالْمَاءِ وَقَالَ الزُّهْرِيُّ لَا بَأْسَ بِالْمَاءِ مَا لَمْ يَغَيِّرْهُ طَعْمٌ أَوْ رِيحٌ أَوْ لَوْنٌ وَقَالَ حَمَّادٌ لَا بَأْسَ بِرِيشِ الْمَيْتَةِ وَقَالَ الزُّهْرِيُّ فِي عِظَامِ الْمَوْتَى مَحْوُ الْفِيلِ وَغَيْرِهِ أَذْرَكْتُ نَاسًا مِنْ سَلَفِ الْعُلَمَاءِ يَسْطِطُونَ بِهَا وَيَدَّهِنُونَ فِيهَا لَا يَرَوْنَ بِهِ بَأْسًا وَقَالَ ابْنُ سِيرِينَ وَإِبْرَاهِيمُ وَلَا بَأْسَ بِتِجَارَةِ الْعَاجِ

tidak termasuk dalam mutslih yang terlarang dan tidak juga dimansuhkan (6) Sabitnya hukum jenayah muharabah sama ada ia dilakukan di bandar atau di luar bandar (7) Orang-orang yang dalam perjalanan (musafir) harus mengambil menafa'at daripada harta zakat seperti meminum susu unta zakat atau menggunakannya untuk tujuan-tujuan yang lain jika dibenarkan oleh pihak pemerintah (8) Harus menggunakan kepakaran golongan tertentu seperti ahli ilmu Qiafah dan lain-lain dalam mengesan penjenayah (9) Pemerintah bertanggungjawab menjaga kesihatan, ketenteraman dan keselamatan ra'yat jelata di bawah pemerintahannya dengan menyediakan segala kemudahan untuk mereka di samping menguatkuasakan undang-undang jenayah seperti yang diarahkan oleh Allah dan RasulNya.

¹²³ Tujuan Abu Qilabah berkata begini ialah untuk menyatakan sebab dan alasan bagi hukuman berat yang telah dikenakan oleh Rasulullah s.a.w terhadap mereka. Kesalahan mereka yang disebutkan Abu Qilabah ada 4 kesemuanya iaitu (1) Mencuri (2) Membunuh (3) Murtad (4) Memerangi Allah dan RasulNya. Berdasarkan Al-Qur'an Al-Karim, kesalahan ke empat saja pun sudah menempah hukuman yang amat berat seperti dapat kita lihat di dalam ayat berikut:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ جِزَاؤُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: Sesungguhnya balasan untuk orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh atau dipalang atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang atau dibuang negeri. Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar. (Al-Ma'idah:33).

Apa lagi jika seseorang atau mana-mana golongan melakukan ke empat-empat kesalahan di atas. Malah ada riwayat yang menunjukkan bahawa ayat di atas sebenarnya turun berhubung dengan peristiwa yang tersebut di dalam riwayat ini.

67 – Bab: Najis-Najis Yang Terjatuh Ke dalam Minyak Sapi Dan Air. Az-Zuhri Berkata: "Tidak Mengapa Menggunakan Air (Untuk Bersuci Dan Lain-Lain) Selagi Tidak Berubah Bau, Rasa Atau Warnanya." Hammad Pula Berkata: "Tidak Mengapa Dengan Bulu Bangkai." Az-Zuhri Berpendapat: "Kita Boleh Menggunakan Tulang-Tulang Binatang Seperti Gajah Dan Selainnya Yang Telah Mati. (Katanya) Aku Dapati Ramai Dari Kalangan 'Ulama' Salaf Menyikat Rambut Dengan Menggunakan Sikat Daripada Gading. Mereka (juga) Menyimpan Minyak Di Dalam Bekas Yang Diperbuat Daripadanya. Mereka Berpendapat Tidak Mengapa Menggunakannya." Ibnu Sirin Dan Ibrahim Berpendapat: "Tidak Mengapa Berniaga Gading."¹²⁴

٢٢٨ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ مَيْمُونَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سِيلَ عَنْ فَاْرَةٍ سَقَطَتْ فِي سَمْنٍ فَقَالَ أَلْقَوْهَا وَمَا حَوْلَهَا فَاطْرَحُوهُ وَكُلُوا سَمْنَكُمْ

228 - Isma'il meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada saya daripada Ibnu Syihab Az-Zuhri daripada 'Ubaidillah bin 'Abdillah daripada Ibnu 'Abbaas daripada Maimunah bahawa Rasulullah s.a.w pernah ditanya tentang tikus yang terjatuh ke dalam minyak sapi. Nabi

¹²⁴ Melalui bab ini sebenarnya Imam Bukhari mahu menyatakan bahawa asas bagi penentuan sesuatu yang dimasuki najis atau terkena najis ialah perubahan sifatnya. Sebagai contoh air tidak akan menjadi najis dengan semata-mata dimasuki sesuatu najis selagi tidak berubah salah satu sifatnya iaitu bau, rasa dan warnanya. Bulu bangkai burung dan lain-lain sama ada yang halal dimakan ataupun tidak, tidak turut menjadi bangkai dan boleh dihukum najis, kerana tidak berlaku apa-apa perubahan padanya. Sifatnya tetap kekal tidak berubah sama ada yang gugur, tercabut atau dicukur dan diambil semasa empunya masih hidup atau selepas ia menjadi bangkai. Keadaannya terus seperti sedia kala meskipun tubuh empunya telah reput dan hancur. Demikian juga dengan gading dan tulang bangkai gajah atau lain-lain binatang. Oleh kerana sifatnya tetap kekal walaupun selepas kematian empunya, maka ia tidak boleh dihukum najis seperti bangkai empunya. Air atau minyak yang disimpan di dalam bekas yang diperbuat daripadanya pula tidak menjadi najis. Air atau minyak dan sebagainya juga tidak terjejas atau berubah sifat apabila disimpan di dalam bekas-bekas itu. Ini semua menunjukkan bahawa hukum bulu dan tulang bangkai berbeza daripada hukum bangkai itu sendiri. Kalau ia suci, tidak najis kenapa pula ia tidak boleh diperniagakan? Tentu sekali kita boleh membeli atau menjualnya dengan senang hati apabila dipastikan kesuciannya. Kerana itulah para 'ulama' salaf seperti Ibnu Sirin dan Ibrahim An-Nakha'i berpendapat "Tidak Mengapa Berniaga Gading." Kesimpulannya hukum sesuatu benda atau sesuatu perkara akan berubah sesuai dengan perubahan sifatnya. Kasturi pada asalnya najis dan kotor kerana ia adalah darah sejenis kijang, tetapi apabila sifatnya berubah, maka berubahlah juga hukumnya.

s.a.w bersabda: “Buangkan tikus itu dan buangkan (juga) minyak sapi di sekitarnya (yang berdekatan dengannya). (Kemudian) Makanlah minyak sapimu (yang selebihnya) itu.”¹²⁵

٢٢٩ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا مَعْنٌ قَالَ حَدَّثَنَا مَالِكٌ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُبَيْدَةَ بْنِ مَسْعُودٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ مَيْمُونَةَ أُنْ أَلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سِئْلَ عَنْ فَأْرَةٍ سَقَطَتْ فِي سَعْنٍ فَقَالَ خَذُوهَا وَمَا حَوْلَهَا فَاطْرَحُوهُ قَالَ مَعْنٌ حَدَّثَنَا مَالِكٌ مَا لَا أُخْصِيهِ يَقُولُ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ مَيْمُونَةَ

229 - `Ali bin `Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ma`n meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Ibn Syihab daripada `Ubaidillah bin `Abdillah bin Utbah bin Mas`ud daripada Ibn `Abbaas daripada Maimunah bahawa Nabi s.a.w pernah ditanya tentang tikus yang terjatuh ke dalam minyak sapi. Beliau s.a.w bersabda: “Buangkan tikus itu dengan minyak sapi di sekitarnya.”

Ma`n berkata: “Entah berapa kali (banyak kali benar) Malik meriwayatkan kepada kami, katanya: “Daripada Ibn `Abbaas daripada Maimunah.”¹²⁶

٢٣٠ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا مَعْمَرٌ عَنْ هَمَّامٍ بْنِ مُنَبِّهٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كُلُّكُمْ يَكَلِّمُهُ الْمُسْلِمُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَكُونُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَهَيْئَتِهَا إِذْ طُعِنَتْ نَجْرًا دَمًا لَوْنُ الدَّمِ وَالْعَرَفُ عَرَفُ الْمِسْكِ

230 - Ahmad bin Muhammad meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ma`mar meriwayatkan kepada kami daripada Hamaam bin Munabbih daripada Abi Hurairah daripada Nabi s.a.w, sabda baginda s.a.w: “Setiap luka yang dialami oleh seseorang muslim di jalan Allah akan terus berada pada hari qiamat nanti seperti mana ketika ia ditikam.

¹²⁵ Hadits ini jelas membenarkan qaedah yang diguna-pakai oleh Imam Bukhari. Sebabnya ialah minyak sapi yang di sekitar bangkai tikus itu sahaja diperintahkan oleh Nabi s.a.w supaya dibuang. Kerana tentu sekali ia telah berubah dengan adanya bangkai tikus itu. Tetapi yang jauh daripadanya tidak disuruh beliau kita membuangnya malah disuruhnya kita makan. Tidak kerana lain melainkan kerana ia tidak berubah dan terjejas dengan bangkai tersebut. Walaubagaimanapun perlu diketahui bahawa berdasarkan riwayat-riwayat yang lain, minyak sapi yang dimaksudkan di dalam hadits ini adalah yang beku bukan yang cair.

¹²⁶ Tujuan Bukhari mengemukakan kata-kata Ma`n di sini ialah untuk menyelesaikan perselisihan yang berlaku di antara `ulama' hadits tentang hadits ini, adakah ia termasuk di dalam masanid Ibn `Abbaas atau masanid Maimunah isteri Nabi s.a.w? mengikut Bukhari yang betulnya ialah ia termasuk di dalam masanid Maimunah r.a.